

AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010 ("PDPA")

Tujuan Notis

1. Notis ini dikeluarkan selaras dengan keperluan di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (PDPA) kepada semua individu yang merupakan pembeli/pembekal barangan/perkhidmatan atau pekerja individu daripada pembekal atau pembeli/pembekal barangan/perkhidmatan:-

(i) yang terlibat dengan ABLE DAIRIES SDN BHD; atau,

(ii) yang mengemukakan sebarang cadangan ATAU dirujuk sebagai pembekal kepada ABLE DAIRIES SDN BHD untuk tujuan tersebut.

Pemprosesan Data Peribadi

2. Sepanjang urusan dengan anda, ABLE DAIRIES SDN BHD akan memproses data peribadi pembeli atau pembekal yang termasuk, tetapi tidak terhad kepada, nama anda, nombor kad pengenalan, alamat dan butiran hubungan lain.

Tujuan Pemprosesan Data Peribadi

3. Data peribadi dikumpul untuk, tujuan berikut:

(a) menilai kesesuaian anda untuk meluluskan kontrak yang anda mohon;

(b) menguatkuasakan hak dan kewajipan di dalam kontrak, termasuk tetapi tidak terhad kepada, membuat pembayaran untuk barangan/perkhidmatan dan menyelenggara senarai kakitangan utama yang bertanggungjawab melaksanakan hak dan kewajipan pembekal di bawah kontrak;

(c) memberikan akses kepada premis berkaitan dengan ABLE DAIRIES SDN BHD; dan

(d) bagi tujuan pemasaran yang berkaitan dan berhubung dengan perkara di atas.

Pendedahan Data Peribadi

4. Data peribadi yang dipegang oleh kami akan dirahsiakan. Walau bagaimanapun, bagi melaksanakan hak dan kewajipan kami di bawah kontrak atau untuk tujuan penilaian, kami boleh mendedahkan data peribadi anda kepada:

- Syarikat berkaitan atau pihak ketiga yang menjalankan perkhidmatan bagi pihak ABLE DAIRIES SDN BHD dan dalam melakukannya, kami akan mematuhi semua undang-undang, peraturan dan piawaian industri yang berkenaan, serta menghendaki mereka melindungi data peribadi yang diberikan;

- Institusi kewangan;

- Pihak lain yang diberi kuasa;

- Agensi kawal selia dan kerajaan seperti yang dibenarkan atau dikehendaki oleh undang-undang, diperintahkan oleh mahkamah atau untuk memenuhi kewajipan kepada pihak berkuasa kawal selia.

Perlindungan Data Peribadi

5. Keselamatan data peribadi anda adalah terjamin oleh ABLE DAIRIES SDN BHD kerana kami akan mengambil semua langkah fizikal, teknikal dan organisasi yang diperlukan untuk memastikan keselamatan serta kerahsiaan data peribadi anda.

Penyimpanan Data Peribadi

6. Polisi ABLE DAIRIES SDN BHD adalah untuk memusnahkan data peribadi pembeli/ pembekal dalam tempoh 7 tahun selepas kontrak diluluskan atau selepas tamat kontrak, mana-mana yang berkenaan.

Akses kepada Data Peribadi

7. Di bawah PDPA, anda berhak untuk mengakses data peribadi anda bagi memastikan data peribadi yang kami simpan tentang anda adalah tepat, lengkap, tidak mengelirukan dan terkini. Sekiranya anda ingin menggunakan hak tersebut dan memohon akses kepada data peribadi anda, sila hubungi kami melalui emel ke compliance@ableglobalbhd.com.my